

Syarat-Syarat Maslahah Al-Mursalah Teras Perseimbangan Ketamadunan Masyarakat Malaysia

Mohd Huefiros Efizi bin Husain¹, Mohd Nasir bin Abd Majid² & Muneer Ali Abdul Rab³

¹ Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

² Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. nasirmajid08@usim.edu.my

³ Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. muneerali@usim.edu.my

Progres Artikel

Diterima: 8 Ogos 2016

Disemak: 26 Mac 2017

Diterbit: 25 Jun 2017

*Corresponding Author: Mohd Huefiros Efizi Husain, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Email:
mohdhuefirosefizi@yahoo.com.my

Abstrak: Maslahah al-Mursalah merupakan sumber hukum yang disepakati oleh jumhur fuqaha' ke atas permasalahan yang baharu muncul dan tiada nas yang teguh menjelaskan penetapannya. Bertitik tolak dari kepentingan membawa kemanfaatan dan menolak segala kemudharatan, ia dilihat mampu menjawab segala permasalahan demi menjamin kesejahteraan ummat di dunia dan akhirat mengikut acuan pensyariatan Islam. Maslahah al-Mursalah hadir meraikan keperluan dalam menepis segala tohmahan negatif terhadap Islam seperti Islam agama yang jumud, Islam hanya dianut oleh bangsa tertentu dan terkebelakang dari mengikuti arus perdana walhal *Islam is way of life* dan *Islam is first class*. Namun ada syarat-syarat tertentu dalam mengkategorikan Maslahah al-Mursalah agar tidak melampaui prinsip yang telah digariskan. Justeru, objektif kajian ini akan mengenalpasti syarat-syarat Maslahah al-Mursalah sebagai sumber hukum selepas nas-nas utama. Kepentingan kajian ini membincangkan sejauhmana syarat-syarat tersebut mampu disandarkan kepada pembinaan masyarakat Malaysia yang bertamadun dalam konteks keseimbangan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mencapai objektif kajian dengan melibatkan kaedah kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa syarat-syarat Maslahah al-Mursalah relevan untuk diaplakisikan di dalam penilaian dan pengamalan di Malaysia dari segenap aspek kecuali yang telah jelas hukum dan dalilnya daripada al-Quran, as-Sunnah dan al-Ijma'.

Kata kunci: Syarat-syarat Maslahah al-Mursalah, Penseimbangan, Ketamadunan, Masyarakat Malaysia

Abstract: Maslahah al-Mursalah a source of law agreed upon by the majority of jurists on emerging issues and there is no evidence explaining firm determination. It is seen able to answer all the problems to ensure the well-being of people in this world. Maslahah al-Mursalah present celebrated the requirements dismissed all accusations against Islam, whereas a negative, while Islam is way of life and Islam is first class. But it is certain conditions in categorizing Maslahah al-Mursalah not to exceed the principles that have been outlined. Thus, the objective of this study will identify the conditions Maslahah al-Mursalah as a source of law after the main texts. The importance of this study discusses how these requirements can be backed up to the construction of a civilized society in the context of the balance. This study used qualitative methods to achieve the objectives of the study involving literature methods. The study found that the conditions Maslahah al-Mursalah relevant to be applied in the evaluation and practice in all

aspects except that it has a clear legal and argument of the Quran, Sunnah and al-ijma'.

Keywords: Requirements Maslahah al-Mursalah, balanced, civilization, society Malaysia.

Pengenalan

Sesuatu ketetapan hukum itu mesti dilihat dari sudut keperluannya dan cara pelaksannya agar ia dilihat sebagai satu metodologi yang amat berguna dan mematuhi penilaian piawaiannya. Jika ia tidak didasari dengan asas yang betul, maka tidak mustahil akan berlaku kepincangan dan wujud kemudharatan di situ.

Oleh itu syarat-syarat Maslahah al-Mursalah hadir sebagai teras istinbat hukum dalam memacu kehidupan yang sempurna dewasa ini berikutnya tidak dijumpai dalil yang khusus dari nas-nas. Kajian ini dirakumkan dalam meraih ketamadunan dari kalangan masyarakat Malaysia. Benar setiap masyarakat dan negara mempunyai prinsip yang tersendiri, namun sejauhmana ia mampu mara kehadapan dengan mengendong manifesto membawa kebaikan dan menolak keburukan itu lah yang kita perlu teliti.

Kajian ini dibahagikan kepada beberapa peringkat dimulakan dengan pendahuluan, disusuli metodologi kajian, kemudian pengenalan tentang definisi Maslahah al-Mursalah beserta syarat-syaratnya dan maksud ketamadunan masyarakat Malaysia sebagai skop kajian. Akhirnya pengkaji menyenaraikan tujuh daptatan hasil kajian mengikut cabangan tersendiri dalam memastikan masyarakat Malaysia, masyarakat bertamadun.

Metodologi Kajian

Kaedah kajian merupakan kaedah yang sistematik untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Ianya boleh difahami sebagai ilmu untuk mengkaji bagaimana kajian itu dijalankan secara ilmiah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data dan bertujuan untuk memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian. Kajian kualitatif ini juga bertujuan menilai syarat-syarat Maslahah al-Mursalah dari perspektif kaedah pensemimbangan di dalam menjadikan masyarakat Malaysia bertamadun.

Metod Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data dalam kajian ini ialah kajian perpustakaan (*library research*). Ia diperolehi ke atas penulisan dan dokumen bertulis yang dapat memberikan keterangan dan digunakan sebagai bukti yang sahih

tentang suatu kenyataan. Ini merangkumi sumber-sumber dalam bentuk dalil dari al-Quran, hadith, buku-buku, jurnal, disertasi, prosiding seminar, kertas kerja dan laman web. Data yang diperolehi dihimpun, dikaji dan menjadi panduan dalam mengenalpasti peranan konsep Maslahah al-Mursalah menerusi syarat-syarat yang ditetapkan dalam membina sesebuah ketamadunan negara.

Metod Analisis Data

Dalam menganalisis data, pengkaji secara umumnya menggunakan metod analisis deskriptif kualitatif iaitu dengan menilai mutu dan kesahihan data tersebut. Metod ini adalah satu kaedah untuk menganalisa data yang berhasil melalui teori-teori dan pemikiran yang adaiaitu membuat kesimpulan yang bersifat khusus.

Tinjauan Konsep Dan Skop Kajian Maslahah Al-Mursalah

1) Pengenalan Maslahah al-Mursalah:

Syariat Islam tidak diperturunkan jika tanpa sebab dan keperluan. Agama Islam merupakan agama yang meraikan setiap sudut mejangkaui pemikiran sejak dahulu sehingga hari perhitungan kelak. Oleh yang demikian ajaran Islam tidak lain bertujuan memberi kesejahteraan, keamanan dan kebahagiaan kepada semua. Ini bertepatan dengan konsep Maslahah al-Mursalah dengan mencari kemanfaatan dan menolak setiap kemudharatan. Imam ar-Razi menerangkan Maslahah berasal dari *sod lam ha* (صَدْلَهَا) dan *al-Masolih* merupakan kata jamaknya yang membawa maksud kemaslahatan, kemanfaatan dan kebaikan, manakala kata lawannya ialah kerosakan dan kemudharatan. Surah al-Baqarah ayat 11 membawa maksud :

“Dan apabila dikatakan kepada mereka “Janganlah kalian membuat kerosakan di muka bumi, mereka menjawab “Sesungguhnya kami orang-orang yang melakukan kebaikan.”.

Imam al-Ghazali memberi definisi Maslahah al-Mursalah ialah penetapan yang tidak disebut dengan khusus di dalam al-Quran dan al-Hadith tentang kehujahannya dan sama ada diterima atau ditolak sebagai sumber peletakan (al-Ghazali, t.t). Justeru Maslahah al-

Mursalah dilihat menjadi panduan menjawab hal-hal yang timbul yang berpaksikan Syariat Islam meskipun tiada dalil sahih ke atasnya. Manakala pendapat Imam al-Shatibi tentang Maslahah al-Mursalah pula adalah penetapan maslahah yang tiada sandaran teguh secara khusus mengenai kebolehan dan juga penafian terhadapnya dari sumber hukum terdahulu. Walaubagaimanapun ia mestilah berpegang kepada syariat Islam (al-Shatibi, t.t).

Para ulamak bijak mencari jawapan melalui ijihad kepada hukum-hukum yang baharu agar ummat Islam ketika itu menjalani rutin harian kehidupan dengan penuh yakin tanpa syak wasangka. Begitu juga definisi dari Syaikh Abdul Wahab Khallaf iaitu “maslahah yang tidak disyarakkan di dalam Syariat Islam secara hakikat dan tiada dalil yang menetapkan boleh atau tidak boleh mengamalkannya (Khallaf, 2009)”. Dari pada definisi yang diberikan jelas menunjukkan konsep Maslahah al-Mursalah sebagai tatacara baharu dalam mendaulatkan hukum Islam dengan membawa kebaikan dan meninggalkan yang sebaliknya demi merealisasikan kehidupan ummat yang sejahtera di samping keberkatan dari Allah Taala. Bertepatan dengan firman Allah Taala di dalam Surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud:

“Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur.”

2) Syarat-syarat Maslahah al-Mursalah

Syarat bererti garis panduan dan ketetapan dalam sesebuah perkara agar ia dapat didirikan dengan baik dan meninggalkan kesan yang mendalam. Syarat-syarat Maslahah al-Mursalah ini adalah kemestian sebagai sandaran di atas istinbat sesuatu hukum yang baharu muncul. Jika ia tidak berkait antara satu sama lain, maka ia bukanlah dikategorikan Maslahah al-Mursalah. Syarat-syarat tersebut ialah :

- 1) Maslahah al-Mursalah itu mestilah berdiri di atas prinsip pensyariatan Islam yang sebenar dan bersesuaian kepada mukallaf.
- 2) Tidak bertentangan Maslahah al-Mursalah itu dengan hukum-hukum yang telah termaktub di dalam nas-nas seperti al-Quran al-Karim, as-Sunnah dan al-Ijma' para ulamak (al-Khadimi, t.t) dan bukan ditunjangi oleh hawa nafsu semata-mata yang akan berlaku kerosakan (al-Ghazali, t.t).
- 3) Penetapan Maslahah al-Mursalah itu mestilah berbentuk hakiki mengikut keperluan dan bukannya atas dasar sangkaan dan tekaan perasaan sahaja (Khallaf, t.t).

- 4) Objektif Maslahah al-Mursalah ialah meraikan istinbat hukum yang baharu di dalam prinsip membawa kemanfaatan dan menepis dari segala kemudharatan. Selain itu sifat Maslahah al-Mursalah itu adalah menyeluruh mencakupi pelbagai aspek dan keperluan dan bukan ditujukan kepada sebahagian dan latar belakang ummat sahaja (al-Shatibi, t.t).
- 5) Maslahah al-Mursalah itu sendiri mestilah bersesuaian dengan kehendak manusia di muka bumi melibatkan pemeliharaan agama, akal, jiwa, keturunan dan harta supaya kehidupan yang sejahtera mampu dicapai dan menjadi contoh kepada yang lain (al-Buyti, t.t).

Menerusi penetapan syarat-syarat tersebut, ini menunjukkan Maslahah al-Mursalah memandang serius kepada batu asas pembinaan hukum baharu sebagai rangkaian sumber hukum oleh para ulamak selepas nas-nas terdahulu. Syarat-syarat ini dikemukakan agar ummat Islam tidak tersasar dalam berhujah dan menyejahterakan aturan kehidupan di dunia ini. Kesimpulannya Maslahah al-Mursalah hadir dalam membentuk kemaslahatan ummat dengan prinsip-prinsip tertentu di atas keperluan yang bersesuaian dan landasan syariat Islam.

Perseimbangan

Perseimbangan dirujuk dari kata dasar seimbang. Seimbang menurut Kamus Dewan edisi keempat membawa maksud setimbang iaitu sama berat, setimpal, sepadan dan bersesuaian (Kamus Dewan, 2007). Secara umumnya ia membawa erti ketekalan atau kekonsistenansi kepada sudut yang diuji (Arkes, 1982). Oleh itu, dalam konteks ini, penseimbangan ditujukan khusus kepada ketekalan di dalam proses pamacuan ketamadunan masyarakat di Malaysia berteraskan syarat-syarat Maslahah al-Mursalah.

Ia mencakupi pelbagai aspek kehidupan bermula awal usia sehingga peringkat dewasa dalam memberi kesejahteraan hidup dan mengangkat kualiti kemajuan masyarakat negara ini agar dilihat tidak terkebelakang. Latar belakang Maslahah al-Mursalah itu sendiri meraikan keseluruhan bidang seperti keilmuan, perubatan dan ekonomi serta posisi manusia tanpa pembatasan atas sebab-sebab tertentu.

Dunia bergerak pantas di samping berbagai kejayaan, kemajuan dan kegemilangan yang telah diraih oleh umat Islam dan masyarakat di negara ini, namun masih terdapat juga konflik dan permasalahan yang timbul berikutan sikap individu dalam menerajuinya. Bagaikan berkiblatkan barat dari sudut kecekapan dalam membina sesuatu teknologi baharu, tatacara Islam masih dilihat fleksibel dan perlu dijadikan panduan asas kepada

kepenggunaan teknologi tersebut. Ini kerana hanya Islam yang memperkenalkan modul membawa kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat tanpa prejedis kepada aliran kemajuan dunia hari ini.

Di sifilah kepentingan syarat-syarat Maslahah al-Mursalah boleh diterapkan sebagai teras dalam membentuk masyarakat Malaysia yang bertamadun dan kondusif.

Ketamadunan

Perkataan tamadun di dalam arab disebut *al-'umran, al-bunyan, al-dahdarah* dan *al-madaniyyah*. Ini dibuktikan antaranya dari Ibnu Manzur memperlihatkan tamadun itu melalui istilah *madinah* dan *hadharah* (Ibnu Manzur, 1997), manakala Ibnu Khaldun di dalam kitab Muqaddimah beliau ialah *umran* dan *hadharah* yang mewakili pembangunan dan kemajuan (Ibnu Khaldun, 1990). Menurut Ahmad Nasir b. Mohd Yusoff dari Universiti Putra Malaysia menggambarkan ketamadunan itu ialah pencapaian dan kecemerlangan manusia dalam seluruh aspek kehidupan melibatkan elemen kebendaan, sistem nilai dan estetika dan elemen kerohanian. Antara komponen sesebuah ketamadunan itu pula mencakupi agama, sejarah, kebudayaan, sains dan teknologi(Ahmad Nasir, t.t).

Tamadun juga ditakrifkan oleh Redfield sebagai satu cara hidup yang dapat diberikan kriterianya. Arnold Toynbee di dalam 'A Study of History' menjelaskan tamadun itu adalah satu kumpulan pemikiran dari pelbagai manifestasi, orientasi yang berterusan, satu gaya kebudayaan, yang bertanggungjawab membentuk institusi politik dan undang-undang, dalam memperkayakan kesenian, kesusastraan, agama dan akhlak (M.A.J Beg, t.t).

Ketamadunan di Malaysia yang dahulunya dikenali Tanah Melayu menampakkan kepelbagaian bangsa, adat dan agama yang masing-masing mempunyai sejarah yang sama di tanah bertuah ini iaitu melalui penghijrahan dari luar. Contoh ketamadunan Islam di Tanah Melayu dikatakan bermula tahun pertama Hijrah lagi. Kejayaan kedatangan Islam pada waktu itu di sini adalah mampu merubah kedudukan orang melayu yang duduk dalam kekuatan kepada kehidupan beragama Islam yang sejahtera terutama mempercayai dan menyembah Allah Taala Tuhan Yang Maha Esa (Abdul Rahman, 2006). Selain itu golongan melayu Islam berjaya menangkis pengaruh barat dan menentang penjajahan dalam menuntut kemerdekaan oleh British pada abad ke-20M (Mahayudin H.Yahya, 1998).

Inilah contoh bentuk ketamadunan di tanah air kita yang patut dijadikan contoh kepada generasi hari ini dalam memartabatkan agama disusuli bangsa untuk melayari bahtera kehidupan hari ini yang penuh dengan ujian dan helah

Masyarakat Malaysia.

Masyarakat didefinisikan sebagai "kelompok manusia yang telah cukup lama hidup bersama dan saling bekerjasama sehingga dapat mengorganisasikan diri dan meletakkan diri mereka sebagai kesatuan sosial yang mempunyai batas-batas tertentu"(Ralph Linton, 1936). Sedangkan Malaysia pula adalah sebuah negara yang terletak di kawasan Asia Tenggara dan memiliki 14 buah negeri. Malaysia mengamalkan sistem raja berperlembagaan dikepalai oleh Yang di Pertuan Agong dan menggunakan demokrasi berparlimen seperti proses pilihan raya sebagai perincian sistem dan struktur pentadbiran.

Jangkaan populasi masyarakat di negara ini pada tahun 2016 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang diterbitkan pada 22 Julai 2016 mencatatkan angka 31.7 juta orang. Jika diperincikan jumlah tersebut, ia menyaksikan 16.4 juta dari kalangan penduduk lelaki dan perempuan pula memperlihatkan 15.3 juta. Jumlah ini menyaksikan peningkatan sebanyak 0.5 juta berbanding 31.2 juta orang pada tahun sebelumnya (Jab. Perangkaan Malaysia, 2016).

Masyarakat Malaysia tergolong di dalam kelompok masyarakat yang sangat bertuah. Selain faktor geografi dan iklim negara yang baik sepanjang tahun, masyarakat Malaysia juga diserikan dengan kepelbagaian jenis agama seperti Islam, Budha dan Kristian, bangsa seperti melayu, cina dan india, politik dan sosio-budaya (Fred R, 1987). Ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik dan menarik di seluruh dunia. Walaupun terdapat perbezaan dari sudut kepelbagaian itu, namun masyarakat Malaysia sentiasa berhubung antara satu sama lain dalam menguruskan perihal dunia harian seperti sektor pendidikan, pekerjaan, industri dan kemasyarakatan sama ada secara formal atau sebaliknya. Justeru, ini faktor keharmonian negara dan sebagai rangka pembentukan masyarakat Malaysia yang bertamadun berteraskan kesejahteraan semua.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Ketamadunan sesebuah negara bukan hanya dinilai dari kejayaan pada permulaan sejarahnya atau perluasan kebudayaan mahupun bebas dari kebelengguan penjajah, namun ia diukur dari sudut kesinambungan selepas itu yang mampu diselaraskan mengikut kehendak masyarakat dan negara sama ada bersifat material atau intelektual. Sejauhmana pantas kemampuan sesebuah tamadun itu mara ke hadapan, ia tetap perlu berpegang kepada prinsip mensejahteraan dunia dalam memberi kemanfaatan dan menolak segala kemudharatan. Keperluan Maslahah al-Mursalah wajar dijadikan teras kepada ketamadunan sesebuah masyarakat terutamanya di Malaysia.

1) Sektor Pekerjaan

Mendepani Wawasan 2020, Malaysia giat membangunkan negara dengan menggunakan seluruh sumber manusia rakyat seperti tenaga, idea dan kemahiran yang ada sebagai tunggak mencapai cita-cita negara yang bertaraf maju. Bertitik tolak daripada itu, sektor pekerjaan mensasarkan penghasilan produk berkualiti di samping melahirkan pekerja yang berintegriti.

Antara usaha yang diseragamkan adalah mengehadkan tempoh perkhidmatan di sektor pekerjaan dari kalangan yang terlibat. Ini adalah demi mencapai produktiviti yang dimahuakan apabila setiap pekerja berlumba-lumba untuk memperbaiki mutu perkhidmatan yang cemerlang mengikut tempoh masa yang ditetapkan, juga tidak terkecuali kepada pemberian jumlah hari bercuti mengikut pekeliling negeri berkhidmat masing-masing dan pematuhan pakaian ketika bekerja (JPA, t.t). Selain itu, ia mampu membuka ruang kepada golongan muda untuk berkhidmat dengan tenaga yang baik dan idea yang segar.

Kemudian memelihara hak para pekerja seperti tidak memberhentikan perkhidmatan mereka serta merta kerana ia akan memberi natijah yang tidak harmoni kepada semua, pelantikan mengikut skim perkhidmatan, menetapkan had kredit jam bekerja sehari, syarat kenaikan pangkat(JPN, 2012) beserta pembayaran gaji yang bersesuaian dan perlindungan berbentuk insurans atau takaful yang diperlukan.

Kesimpulannya, konsep Maslahah al-Mursalah wajar diterapkan di dalam sektor pekerjaan untuk mencipta ketamadunan yang ampuh kerana ia bertepatan dengan syarat-syarat yang telah dikemukakan seperti mengikut keperluan umum di samping menjaga akal dan harta dari sebarang kesan yang memudharatkan.

2) Undang-Undang Jalanraya

Penggubalan sebuah undang-undang itu menjurus kepada keperluan manusia dan alam dalam memastikan kehidupan sehari-hari berjalan dengan tenang dan selamat mengikut etika yang ditetapkan. Langkah malang jika hidup dilayari dengan tanpa peraturan yang baik. Malaysia sebuah negara yang boleh dicontohi antaranya melalui undang-undang di jalanraya.

Undang-undang Malaysia di bawah Akta 333 iaitu Akta Pengangkutan Jalan 1987 (sebagaimana pada 1 Februari 2013) ditubuhkan agar menjadi panduan kepada pengguna jalanraya di negara ini mencakupi etika pendaftaran kenderaan, penyelarasan lesen memandu termasuk kenderaan persendirian dan untuk perkhidmatan awam dan jenis kesalahan ketika memandu(JPJ, 1987). Selain itu ia melibatkan penyediaan lampau isyarat trafik di persimpangan jalan yang diperlukan, papan tanda arah dan simbol jalan,

pemeriksaan berkala oleh petugas trafik dan kemudahan terowong dan jambatan (Abdullah, 2000).

Pengkaji mengenalpasti penggubalan undang-undang jalanraya melalui akta pengangkutan jalan ini bertepatan dengan syarat-syarat konsep Maslahah al-Mursalah iaitu bersesuaian di atas kehendak manusia untuk memelihara nyawa, akal dan harta dalam memberi kebaikan dan menepis kemudharatan kepada pengguna jalan raya umumnya di negara ini. Dari situ, kita akan membentuk masyarakat yang bertamadun dengan mematuhi undang-undang keselamatan jalanraya.

3) Perubatan Dan Hospital

Menyedari dunia sedang melalui proses modenisasi dan mengaplikasikan segala teknologi yang ada, sektor perubatan dan kesihatan juga memiliki permintaan yang tinggi berikutan keperluan masyarakat masa kini dalam mencapai kesempurnaan hidup yang berkualiti. Contoh di Malaysia, kita dapat lihat amalan menderma darah mendapat sambutan dengan kempen yang diadakan oleh pihak kesihatan awam pun swasta.

Kemudian pembedahan kosmetik seperti pembedahan plastik bagi menghilangkan kecacatan kritis pada anggota pancaindera dan tubuh akibat kemalangan yang meninggalkan kesan sulit kepada si mangsa seperti pembedahan sedut lemak (*liposuction*), suntikan Botulinum Toxin Type A (*botox*) dan pendakap gigi besi (*braces*)(Abdul Basit, 2012). Namun ia bukan diiktiraf sebagai Maslahah al-Mursalah jika dilaksanakan dengan bertujuan kecantikan sahaja tanpa memiliki aib tertentu yang memudharatkan dan menggunakan cara pembedahan yang tidak menepati syariat Islam.

Pendermaan dan pemindahan organ bukanlah asing di Malaysia. Hasil perbincangan Majlis Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada tahun 1970 terhadap pemindahan dan pendermaan organ jantung dan mata dari si mati kepada orang yang masih hidup adalah harus(e-Fatwa, 1970). Ini diambil kira melalui ijтиhad para ulamak tentang kemaslahatan yang perlu dipelihara tanpa menyaksikan dalil khusus terhadapnya.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pusat Sumber Transplant Nasional, Kuala Lumpur pada tahun 2010, mendapati bahawa jumlah penderma organ dan tisu di Malaysia meningkat dari tahun demi tahun. Tahun 2010 menunjukkan anggaran jumlah peratusan penderma sebanyak 28% berbanding 11% pada tahun 2000(Hasfaliza, 2015). Kenaikan peratusan ini berpunca daripada kesedaran masyarakat Malaysia membantu mereka yang amat memerlukan.

Malaysia turut tidak terkebelakang dalam menyediakan pusat perubatan dan kesihatan yang lengkap memiliki fasiliti yang terbaik dan selesa bagi memudahkan urusan perubatan. Contohnya dengan membina hospital di setiap negeri oleh pihak kerajaan seperti Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru,

Hospital Tuanku Jaafar di Seremban dan Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu(KKM, t.t).

Ringkasnya, proses perubatan seperti derma darah dan pemindahan organ dan pembinaan hospital merupakan satu usaha memberi kemanfaatan dan menghindarkan diri dari kerosakan di mana menepati syarat-syarat Maslahah al-Mursalah. Ia turut dilihat dari kaca mata memelihara nyawa si pesakit dari terus dibelenggu dengan kesakitan atau kecacatan yang memudharatkan dan kesinambungan generasi akan datang.

4) Pendidikan Tinggi

Meneladani penubuhan universiti tertua di dunia, Universiti Al-Azhar di Mesir, Malaysia begitu perihatn dalam memastikan rakyat di negara ini menerima pendidikan tinggi yang bermutu dan setanding penilaian antarabangsa. Justeru usaha membangunkan institusi pengajian tinggi patut dipuji dalam menjamin masa depan negara terus gemilang. Visi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia iaitu ‘Pendidikan Tinggi Berkualiti, Insan Cemerlang, Negara Sejahtera’ sudah cukup menggambarkan betapa pentingnya proses transformasi minda ini.

Penubuhan Universiti Malaya(UM) pada April 1949 bagaikan membuka lembaran baharu bagi pendidikan tinggi di Malaysia sebagai gedung ilmu tertua di negara ini. Mendepani arus perdana, UM dijadikan medan menghimpunkan para ilmuan cerdik pandai dari seluruh negara tanpa mengira latar belakang individu. Selepas itu, terbinanya banyak institut pengajian tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM), Universiti Sains Malaysia(USM) dan Universiti Teknologi Malaysia(UTM) dalam melahirkan para graduan yang berintelektual dari pelbagai bidang untuk memimpin Malaysia kelak.

Sehingga tahun 2016, Malaysia memiliki 21 buah universiti awam, 21 buah universiti swasta, 26 buah kolej universiti dan selebihnya dalam kategori kolej swasta(mydiploma, t.t). Menerusi institut pengajian tinggi ini, ia amat reliven ditubuhkan demi menjaga kemaslahatan ummah dalam memacu ketamadunan negara dan memenuhi syarat-syarat Maslahah al-Mursalah dalam pemeliharaan agama, akal dan keturunan.

5) Teknologi Komunikasi Dan Media Massa

Salah satu ciri-ciri mencapai ketamadunan adalah dengan pemerksaan sains dan teknologi. Masyarakat dunia hari ini sudah terbiasa dengan kehadiran teknologi komunikasi dan media massa dalam menggerakkan manusia ke tempat yang mahu dituju secara maya. Ia kelihatan lebih pantas dan fleksibel dengan peredaran masa. Antara kepesatan teknologi komunikasi yang mendapat sambutan ialah laman sosial *Facebook*

(Faridanura, 2014), *Twitter* dan *Instagram*. Contoh aplikasi teknologi ini bertujuan menjalankan komunikasi sesama manusia bukan hanya dari satu negara bahkan dari luar dan mengetahui isu-isu dunia yang berlaku menggantikan cara tradisional terdahulu seperti kiriman surat dan gambar bercetak.

Penyiaran program-program di televisyen juga mampu menarik minat masyarakat untuk memonton. Penyiaran media massa ini bertanggungjawab dalam pembinaan sesebuah ketamadunan menerusi kesan mendalam yang diterima individu dan kelompok masyarakat kepada pembentukan budaya dan modal insan(Aswati, 2007). Jika yang disaksikan itu bermanfaat maka kesannya pasti baik dan begitu juga jika sebaliknya. Contohnya program bual bicara ilmu, drama yang patuh syariah dan dokumentari yang banyak menyajikan input berguna.

Jika teknologi komunikasi dan media massa ini diguna pakai dengan pematuhan syariat dan berhikmah maka ia menepati syarat-syarat Maslahah al-Mursalah iaitu ditujukan kepada semua masyarakat tanpa pengecualian sosio-budaya kerana asasnya begitu cantik dengan membawa objektif sebaran maklumat berguna walau berbeza tempat dan geografi kawasan, menghubungkan ukhwah sesama manusia melalui komunikasi berkesan dan sebagai agen pendidikan dalam melahirkan masyarakat bertamadun dari sudut pendidikan, syaksiah dan akhlak.

6) Mahkamah Dan Kehakiman

Mahkamah dikenali sebagai medan pembicaraan sebarang kesalahan dalam menuntut sesebuah hak. Ia dibina berlandaskan syariat Islam dan bersandarkan keperluan masyarakat supaya sistem kehakiman diputuskan secara telus di suatu tempat yang bersesuaian dalam menegakkan kebenaran dan menjatuhkan hukuman di atas kesalahan. Sudah menjadi kemestian kepada sesebuah negara yang didominasikan rakyat beragama Islam untuk mendirikan mahkamah.

Struktur mahkamah di Malaysia adalah berbeza dengan negara-negara lain di mana undang-undang sivil diuruskan oleh persekutuan iaitu Badan Kehakiman Malaysia, manakala undang-undang syariah dikawal selia oleh bidangkuasa setiap negeri iaitu kuasa sultan. Antara mahkamah yang telah didirikan di Malaysia seperti Mahkamah Tinggi Syariah Bentong, Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan Darul Naim dan Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh (JKS, 2016).

Ironi, pembinaan mahkamah dilihat dari sudut Maslahah al-Mursalah. Ini kerana syarat-syarat Maslahah al-Mursalah jelas diterapkan di dalam pembinaan mahkamah tersebut lantas menyaksikan masyarakat Malaysia adalah masyarakat bertamadun dengan menyanjungi estetika kebenaran dan keadilan. Oleh yang demikian, mahkamah yang dibina itu adalah

bertujuan memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan.

7) Pilihan Raya Umum (Pru)

Pilihan raya umum berperanan sebagai kuasa rakyat dalam memilih pemerintah selaku pemegang kepimpinan sesebuah negara dan telah menjadi syarat untuk berkerajaan sendiri kepada negara-negara yang merdeka. Malaysia telah mengecapi kemerdekaan sejak 1957, oleh yang demikian masyarakat Malaysia memiliki hak ke atas penentuan barisan pemimpin negara.

Malaysia yang terkenal dengan sifat keluhuran dan kesopanan masyarakatnya ini mengaplikasikan sistem berdemokrasi berparlimen ketika pilihan raya umum berlangsung. Demokrasi berparlimen ini ditakrifkan sebagai satu sistem kerajaan yang dipilih secara bebas oleh rakyat melalui pilihan raya dan bertanggungjawab kepada rakyat”(Jamaie, 2014). Pada tahun 2013 masyarakat menyaksikan tatacara Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 di Malaysia untuk kali ketiga belas selepas kali pertama ia diperkenalkan pada 27 April 1955. PRU ke-13 merupakan PRU yang mencatatkan penyertaan jumlah calon paling ramai dalam sejarah politik Malaysia terdiri dari 2089 calon mewakili kerusi Parlimen, Dewan Undangan Negeri (DUN) dan calon bebas di kedua-dua kerusi tersebut(Junaidi, 2014).

Memilih pemimpin untuk menerajui negara merupakan satu kemaslahatan yang perlu diambil cakna oleh setiap masyarakat. Maka dari situ, kita dapat menilai sesebuah ketamadunan negara sama ada berjaya atau sebaliknya. Ia bertitik tolak dalam memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta kerana usaha pemilihan ini adalah untuk membawa ke arah kebaikan sejagat dan mencampakkan keburukan jauh dari dibelenggu masyarakat.

Penutup

Maslalah al-Mursalah merupakan relevansi penetapan hukum hasil ijтиhad para ulamak selepas kewafatan Nasi Muhammad s.a.w setelah tidak diketemui dalil-dalil hukum dari al-Quran al-Karin, as-Sunnah dan al-Ijmak. Keupayaan Maslahah al-Mursalah ditunjangi oleh syarat-syarat yang mesti diperhalusi setiap kali mahu mengamalkannya agar hukum Islam dipandang unggul dan bukan agama yang terbentuk dari hawa nafsu.

Oleh yang demikian, terdapat lima syarat-syarat Maslahah al-Mursalah, ini membuktikan Islam itu agama yang membekalkan misi dan visi dalam meraih kesejahteraan hidup dengan kemanfaatan bukan kemudharatan.

Menyangkal Islam adalah agama yang jumud dan tidak *up to date*, maka proses ketamadunan khususnya kepada masyarakat Malaysia disingkap

menerusi syarat-syarat Maslahah al-Mursalah dan keupayannya.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abdullah Bin Muhammad Solih, (2000). *al-Maslahah al-Mursalah wa Tathbiqatuha al-Muasarah*. Kuliyyah Syariah; Universiti Yarmouk. H. 269-271.

Abdul Basit Hj. Abd. Rahman, (2012). *Pembedahan Kosmetik*. Konvensyen Fiqh Perubatan. Anjuran Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah. H. 5-12.

Abdul Rahman Hj. Abdullah, (2006). *Sejarah dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional*. Shah Alam; Karisma Publications.

Abdul Wahab Khallaf,(2009), *'Ilm Usul Fiqh*. Maktabah ad-Dakwah-Syabab al-Azhar, Cet. 8 Dar al-Qalam, h.93

Ahmad Nasir b. Mohd Yusoff, (t.t.) *Pengenalan Ilmu Ketamadunan (Konsep Tamadun), Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Universiti Putra Malaysia. h. 15-17.

Akta Pengangkutan Jalan (1987). Undang-undang Malaysia-Akta 333. <http://www.ipj.gov.my>.

Al-Buyti, Muhammad Saied Ramadhan al-Buyti,(t.t.). *Dhawabit al-Maslahah fi al-Syariah al-Islamiah*. Muassasah al-Risalah; Beirut. h. 248-252

Al-Ghazali, *al-Mustasfa*, h.174, ar-Razi, *al-Mahsul*, jil. 6, h. 221, al-Amadi, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, jil. 3, h. 315.

Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *al-Mustasfa Fi IIm al-Usul*, Dar al-Kutub 'Ilmiah; Beirut. j.1, h.293.

Al-Khadimi, Nour ad-Din al-Khadimi, *al-Maslahah al-Mursalah wa Hakikatuha wa Dhawabituha*. Dar Ibn Hazim. h. 84.

Al-Syatibi, Abu Ishak Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Syatibi, *al-Itisam*. Riyadh; Maktabah al-Riyadh al-Hadithah. j. 2, h. 129.

Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2014-2016. Jabatan Perangkaan Malaysia. Terbitan 22 Julai 2016.

Arkes, H.R., & Garske, J.P. (1982). *Psychological theories of motivation*. Monterey, Calif: Brooks/Cole.

- Aswati Hamzah, (2007). *Satu Kajian Skema Taakulan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Melayu*. Universiti Sains Malaysia.
- Faridanura bte Abdullah, (2014). *Penggunaan Laman Rangkaian Sosial (Facebook) Dalam Kalangan Guru ; Motif dan Kesannya*. Laporan projek untuk memenuhi sebahagian dari syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. h. 12.
- Fred R, Von Der Mehden, (1987). *Malaysia; Islam and Multi Ethnic Politics*, dalam John L. Esposito (ed), *Islam in Asia: Religion, Politics and Society*. New York; Oxford University Press, h. 177.
- Hasfaliza Lisa@Andi, (2015). *Penerimaan Kempen Pendermaan Organ Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia; Satu Kajian Pendapat Awam*. Malaysian Journal of Society and Space, h. 112.
- Statistik Penderma Organ dan Tisu,(2015). Pusat Transplan Nasional Hospital Kuala Lumpr. Sumber; New Straits Times, 16 Oktober 2010.
- Ibnu Khaldun, Abu Zayd Abd al-Rahman bin Muhammad bin Khaldun, (1990). *Muqaddimah*. Beirut; Dar Ihya al-Turath.
- Ibnu Manzur, Jamaluddin Muhammad bin Mukarram, (1997). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Ihya al-Turath.
- Jabatan Perkhidmatan Awam, *Pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat Di Semua Agensi Kerajaan Persekutuan*. <<http://docs.jpa.gov.my>>
- Jabatan Kehakiman Syariah(JKS), (2016) Senarai Mahkamah Syariah di seluruh negara. <http://www.data.gov.my>
- Jamaie Hj. Hamil, (2014). *Ikhtisar Analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 40.
- Junaidi Awang Besar, (2014). *Pilihan Raya Umum (PRU)2013 di Malaysia : Satu Analisis ‘Tsunami Politik Bandar’*. Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 29.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, (2007). Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalaf, Abd. Wahab Khalaf, *Ilm Usul al-Fiqh*. Dar al-Hadith; Kaherah. h.96.
- M.A.J Beg, *Islamic and Western Concepts of Civilizations*. Terjemahan Universiti Malaya Press; Kuala Lumpur. h. 17-19.
- Mahayudin H. Yahya, (1998). *Islam Di Alam Melayu*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Fatwa Kebangssan, (1970). <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/derma-organ-pemindahan-jantung-dan-mata>
- Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatian Perkhidmatan) (2012). Warta Kerajaan Persekutuan. Disiarkan oleh ; Jabatan Peguam Negara. <<https://app.mohe.gov.my>>
- Ralph Linton, (1936). *The Study Of Man; An Introduction*. New York; Appleton Century Crofts, Inc.
- Senarai Hospital Kerajaan, Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.moh.gov.my>
- Senarai IPTA dan IPTS di Malaysia. <<http://www.mydiploma.net>>
- <<https://www.statistics.gov.my>>